

KESAN PROGRAM PEMBANGUNAN SAHSIAH TERHADAP PEMBENTUKAN KARAKTER PELAJAR

Fauziah Hanim Jalal, Nurul ‘Ain Daud, Nazariah Abd Samad

*Jabatan Psikologi dan Kaunseling,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesan program pembangunan sahsiah anjuran unit bimbingan dan kaunseling sekolah terhadap karakter pelajar. Seramai 163 orang pelajar (lelaki=70, perempuan=93) telah terpilih menggunakan persampelan rawak mudah dan telah menjawab soalselidik yang diedarkan. Manakala sembilan peserta terdiri daripada enam orang pelajar dan tiga orang kaunselor menggunakan persampelan bertujuan telah ditemubual. Soalselidik dan protokol temubual dibina sendiri oleh penyelidik. Analisa data deskriptif menggunakan frekuensi, min, dan peratus manakala data temubual telah dianalisis secara manual iaitu melalui peringkat transkripsi, pengekodan, kategori, tema dan menulis laporan. Dapatkan kajian mendapati majoriti responden telah menyertai tiga program utama iaitu motivasi, kepimpinan, dan guru penyayang. Program pembangunan sahsiah telah memberi kesan baik terhadap terhadap tujuh aspek karekter pelajar iaitu budi bahasa ($M=4.21$), kekemasan diri ($M=4.14$), kepimpinan ($M=4.02$), konsep kendiri ($M=4.02$), komunikasi ($M=3.90$), ketepatan masa ($M=3.89$) dan sikap penyayang ($M=3.83$). Dapatkan temubual daripada kaunselor dan pelajar juga mendapati program pembangunan sahsiah telah memberi kesan yang positif terhadap karekter pelajar. Tiga tema utama telah diperolehi yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan tingkah laku. Di antaranya ialah program ini telah memberikan celik akal kepada pelajar mengenai kepentingan perubahan tingkah laku, menimbulkan motivasi dan keinsafan, lebih menghargai perhubungan sosial serta wujud daya kepimpinan, berani dan mencabar keupayaan diri pelajar. Usaha-usaha unit bimbingan dan kaunseling melaksanakan program pembangunan sahsiah telah memberi kesan positif terhadap karekter pelajar.

Kata kunci program pembangunan sahsiah, unit bimbingan dan kaunseling, karakter, pelajar

Abstract

This study was conducted to examine the effects of personality development program organized by the school counseling and guidance unit on the character of students. A total of 163 students (male = 70, female = 93) were selected using simple random sampling were given a questionnaire. While nine participants consisted of six students and three counselors were interviewed using purposive sampling. Questionnaire and interview protocol were developed by the researchers. Descriptive data were analyzed using frequency, mean, and percent while the interview data were analyzed manually through the stages of transcription, coding, category, theme and writing a report. The study shows that the majority of respondents had participated in three programs, namely motivation, leadership, and caring teachers. Personality development programs have an impact on seven aspects of student character which includes courtesy ($M = 4.21$), neatness ($M = 4.14$), leadership ($M = 4.02$), self-concept ($M = 4.02$), communication ($M = 3.90$), time management ($M = 3.89$) and a caring attitude ($M = 3.83$). Interview showed counselors and students agree that there is a positive effect. Interview of counselors and students also found that personality development program has had a positive effect on the character of students. Three main themes have been obtained which includes cognitive, affective and behavioral. Among them is this program has given insight to students about the importance of behavior change, brought about motivation and confidence, respectful social relationships and leadership, daring and challenging the ability of the students. Efforts to implement the guidance and counseling unit personality development program has a positive impact on students character

Keynotes *personality development program, guidance and counseling unit, character, student*

PENGENALAN

Pada masa kini pihak sekolah di Malaysia menghadapi isu sahsiah dan disiplin murid yang perlu di atasi sepenuhnya. Walaupun dalam tempoh lima tahun (2007 hingga 2011) isu sahsiah masih berada pada kadar purata 2.07%, namun dari segi jumlah yang terlibat masih besar. Sebagai contoh pada tahun 2011 sahaja, seramai 11,0218 murid atau 2.05% terlibat dalam kes-kes berat seperti bergaduh, ponteng sekolah dan kes ringan seperti kekemasan diri. Hal ini menunjukkan bahawa sekitar 2 hingga 3 peratus bilangan murid yang masih perlu diberi perhatian sewajarnya. Daripada jumlah tersebut, seramai 72,873 (66.1%) orang adalah melibatkan murid sekolah menengah dan seramai 37,345 (33.9%) orang adalah murid sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Perkembangan isu sahsiah di sekolah-sekolah di Malaysia menunjukkan terdapat satu corak yang sama seperti yang telah berlaku di Amerika Syarikat dalam tempoh 20-30 tahun lampau. Tingkah laku remaja di Amerika Syarikat telah menunjukkan dua trend: a) peningkatan tingkah laku yang merosakkan, b) peningkatan tingkah laku merosakkan diri (Wynes dan Hess, 1987). Isu murid sekolah mula terlibat dalam kes-kes disiplin adalah sangat membimbangkan kerana jika tiada penyelesaian maka kemungkinan besar Isu-isu sahsiah akan berterusan dalam kalangan murid-murid. Isu-isu sahsiah menjadi satu cabaran kepada pihak sekolah dan peranan guru bimbingan dan kaunseling semakin rumit.

Justeru, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) telah menetapkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memberi fokus dan penekanan sebanyak 80% kepada pembangunan dan pemantapan sahsiah dan disiplin pelajar manakala 20% lagi kepada bidang-bidang lain. Jelasnya, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggariskan empat fokus untuk diberikan penekanan oleh unit bimbingan dan kaunseling sekolah iaitu i).Pembangunan dan pengembangan sahsiah murid; ii). Peningkatan disiplin murid; iii) Pendidikan kerjaya murid dan iv) Psikososial dan kesejahteraan mental murid. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling hendaklah mengutamakan kepada program-program pembangunan sahsiah.

Oleh kerana isu sahsiah murid semakin kompleks dan berpunca dari pelbagai faktor dan memerlukan pendekatan yang sesuai bagi memenuhi keperluan dari kepelbagaiannya latar belakang murid dan sekolah, maka kajian ini memilih satu aspek sahaja iaitu pembangunan dan pengembangan sahsiah murid sebagai fokus kajian. Fokus pembangunan sahsiah diri pelajar ini merujuk kepada pengembangan personaliti kendiri (character) pelajar dari aspek sikap penyayang (kepedulian), budi bahasa, konsep kendiri, kepimpinan, komunikasi, kekemasan diri dan ketepatan masa. Penekanan tujuh aspek ini diharap dapat menghasilkan perwatakan pelajar yang trampil dan terpuji. Pelbagai aktiviti dan kaedah yang dijalankan dengan menggunakan tujuh aspek ini sebagai teras utama. Antaranya ialah progam membudayakan amalan penyayang, membudayakan amalan berbudi bahasa, amalan berkomunikasi berkesan, meningkatkan kemahiran insaniah pelajar yang bermasalah disiplin dan lain-lain. Program yang dilaksanakan oleh unit bimbingan dan kaunseling untuk pembangunan sahsiah murid merupakan aspek penting dalam pembangunan modal insan di sekolah. Maka kajian seperti ini membantu perekayasaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling memperoleh data yang empirikal bagi tindakan lanjut boleh dilakukan. Perkara ini sangat disokong oleh Dimmitt, Carey dan Hatch (2007) di mana kaunseling sekolah di Amerika Syarikat telah mengalami transformasi yang dramatik bagi menuju kepada model pendidikan yang mempunyai model yang piawai. Keperluan mempunyai *Evidence-Based School Counseling* adalah penting bagi mengetahui sejauhmana kejayaan yang dihasilkan. Pendekatan *Evidence-Based School Counseling* menyediakan satu proses yang praktikal dengan menggunakan bukti bagi tiga kritikal

isu iaitu apakah keperluan yang perlu dipenuhi, apa intervensi yang perlu dilaksanakan dan sejauhmana intervensi tersebut berjaya.

PERNYATAAN MASALAH

Fokus utama program bimbingan dan kaunseling berorientasikan pembangunan adalah untuk menyediakan semua pelajar dengan pengalaman bagi membantu mereka membangun dan maju. Maka program bimbingan dan kaunseling perlulah berbentuk komprehensif dan dipenuhi dengan aktiviti dan perkhidmatan seperti penilaian maklumat, perundingan, kaunseling, rujukan, penempatan dan khidmat susulan. Keberkesanan program perlulah diteliti dan dirancang terlebih dahulu bagi mencapai matlamat (Mizan Adilah et al (2003). Pihak unit bimbingan dan kaunseling sekolah menengah telah banyak menjalankan program namun kajian mengenai pendekatan khusus bagi pembangunan dan pengembangan sahsiah pelajar masih belum banyak dilakukan.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksana modul pembangunan diri pelajar seperti modul kembali ke sekolah dan modul jati diri (fokus ponteng sekolah) dan dilaksanakan oleh sekolah. Selain itu pelbagai program dijalankan bagi mengurangkan disiplin pelajar seperti perlakuan ponteng sekolah, perlakuan berunsur jenayah, perlakuan berunsur kelucahan, perlakuan berunsur kurang sopan, dan perlakuan berunsur vandalism. Walaupun terdapat penurunan tingkah laku negatif namun ia masih bersifat sementara. Di dapat masih kurang kajian dibuat untuk mengkaji sejauhmana program tersebut memberi kesan kepada diri pelajar dari perspektif pelajar dan kaunselor itu sendiri.

Terdapat perkembangan bahawa pihak sekolah mengadakan program-program bagi membina sahsiah remaja bagi mencegah tingkah laku merosakkan ini. Kejayaan membentuk sahsiah remaja ini juga perlu di lihat dari aspek keberkesanan program (Leming, 1993b). Malah keberkesanan sesuatu pendekatan banyak di pengaruhi oleh pelbagai faktor. Di antara faktor yang perlu di ambil perhatian dalam pembangunan sahsiah dalam program bimbingan dan kaunseling ialah penyesuaian diri pelajar dan pendidik dengan warga sekolah, identiti professional, budaya sekolah dan penerimaan kaunseling di sekolah, perlaksanaan bimbingan dan kaunseling, jenis-jenis pelajar, hubungan di antara warga sekolah, isu-isu yang dihadapi oleh kaunselor di sekolah (Nurul ‘Ain dan Aslina, 2013; Sutton dan Fall, 1995), mendapati keberkesanan kaunselor sekolah dipengaruhi oleh budaya sekolah. Sokongan dari pihak pengetua dan kejelasan kefahaman di antara kaunselor dan pihak pentadbir terhadap sesuatu program.

Berdasarkan penelitian terhadap isu sahsiah dalam kalangan murid sepanjang tahun 2011, didapati isu ini masih tidak dapat dicegah dan tidak dapat ditangani dengan

berkesan oleh pihak sekolah. Lantaran itu pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan Surat Siaran (2012) bagi meningkatkan pembangunan diri dan sahsiah pelajar murid selaras dengan hasrat membangunkan modal insan. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) telah meminta Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), untuk mengambil langkah berkesan dalam usaha merekayasa Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah dengan memberi fokus sepenuhnya kepada usaha pembangunan sahsiah serta membendung permasalahan disiplin dalam kalangan murid di sekolah.

Malah keberkesanan program perlu mengambil kira keperluan perkembangan pelajar. Suatu pendekatan proaktif kepada pembangunan program ialah dengan mendengar input dari guru, pelajar, kaunselor, pihak pentadbir melalui penaksiran keperluan yang berkala, di mana kemungkinan dapat memaksimumkan sumber dan perkhidmatan kepada pelajar (Schlossberg, Morris dan Lieberman, 2001). Maka kajian seperti ini diharap dapat melihat perancangan bimbingan berdasarkan perkembangan, model pencegahan bimbingan dapat membantu isu peribadi, perpecahan dan kekeliruan.

Kebanyakkann kajian lepas lebih berfokus kepada sahsiah pelajar bukan kajian tentang pelaksanaan program pembangunan sahsiah. Johnson dan Clarence (2003) dalam kajiannya *Result-Based Guidance: A Systems Approach To Student Support* menyatakan bahawa walaupun pendidikan telah melalui banyak gerakan reformasi namun program bimbingan dan kaunseling masih di tahap yang sama dan yang berubah hanya penambahan tugas dan tanggungjawab baru sebagai tindak balas kepada setiap krisis pendidikan baru. Sebahagian besar program bimbingan menggunakan model asas yang lama dan ditambah unsur-unsur untuk menyesuaikan diri dengan model pengajaran dan pentadbiran yang baru. Lantaran itu, kajian ini diharap dapat memberi input bagi pelaksanaan program-program bimbingan dan kaunseling dengan lebih berkesan pada masa akan datang.

Permasalahan dalam perlaksanaan program bimbingan dan kaunseling sekolah ialah kejelasan matlamat. Malah Lapan (2001) mencadangkan agar program kaunseling sekolah diberi definisi yang jelas, dan bertanggungjawab terhadap hasil yang dilaksanakan dalam membentuk persekitaran sekolah yang berkesan dan menyediakan peluang untuk berkembang. Satu model di bina sekolah yang memberi definisi jelas terhadap program kaunseling dan setting yang terlibat serta sempadan yang ada. Perlunya meletakkan sempadan profesional dalam sistem sekolah itu sendiri apabila menghasilkan program yang berkesan. Permintaan yang bertambah terhadap tanggungjawab kaunselor sekolah, adalah penting bagi kaunselor sekolah memfokuskan peranan bagi mencapai visi dan misi pembangunan sahsiah diri dan disiplin murid. Ini bermakna kaunselor perlu mendidik individu yang terlibat mengenai batasan masa dan peranan yang bersesuaian dan intervensi yang tidak berkesan dan berkesan. Para kaunselor boleh menggunakan perancangan yang sistematik dan bertujuan bagi membantu kaunselor menjelaskan peranan dan keutamaan yang membantu mencapai pelajar.

Kajian seperti ini perlu dikaji sejaухmana program yang dilaksanakan berjaya dilaksana dengan lebih luas kerana isu disiplin murid ini adalah saling berkaitan dalam sistem organisasi sekolah dan bukan sekolah. Faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan perlu diambil kira. Setiap individu perlu difahami dan didengari pandangan mereka, malah aspek *complementary learning* iaitu saling perlu memerlukan di antara subsistem dalam sistem sekolah perlu dikaji. Setiap pendekatan atau intervensi pembangunan sahsiah dan disiplin murid kadangkala tidak boleh digunakan kepada semua pelajar atau “*one intervention does not fit all*”.

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif tersebut:

- i. Mengetahui jenis-jenis program pembangunan sahsiah yang disertai oleh pelajar.
- ii. Mengetahui kesan program pembangunan sahsiah terhadap pembentukan karekter pelajar.

METODOLOGI

Kajian ini akan menggunakan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kombinasi kaedah ini dipilih untuk melihat secara menyeluruh tentang aspek yang dikaji. Kaedah kuantitatif digunakan untuk meneliti isu ini dalam perspektif yang lebih meluas berdasarkan sampel yang besar (Creswell, 2008) manakala kaedah kualitatif digunakan untuk melihat isu ini secara mendalam dan terperinci (Merriam, 1998). Kajian kuantitatif akan menggunakan soal selidik yang akan digubal oleh penyelidik. Soal selidik ini merangkumi aspek demografi responden, bentuk pelaksanaan program pembangunan sahsiah dan kesan pengaruh program yang dilaksanakan ke atas karekter pelajar. Ianya akan ditadbir ke atas pelajar-pelajar. Data daripada kajian kuantitatif akan disokong dan diterangkan secara terperinci melalui kajian kualitatif yang melibatkan kaedah temubual. Temubual akan dijalankan ke atas pelajar-pelajar yang terlibat dengan program pembangunan sahsiah dan disiplin dan guru bimbingan dan kaunseling.

Bagi kaedah kuantitatif, penyelidik akan menggunakan sampel rawak mudah ke atas pelajar-pelajar dan guru-guru sekolah menengah di dua buah sekolah yang terlibat. Sejumlah 163 sampel dipilih dari dua sekolah yang terpilih. Untuk kaedah kualitatif, penyelidik akan menggunakan kaedah persampelan bertujuan seperti yang disarankan oleh Creswell (2008). Seramai sembilan peserta terdiri daripada enam orang pelajar dan tiga orang kaunselor telah ditemubual. Peserta kajian telah di temubual secara individu menggunakan temu bual secara separa berstruktur.

DAPATAN KAJIAN

Profil demografi subjek

Seramai 163 orang responden telah terpilih yang terdiri daripada 70 (43.2%) orang pelajar lelaki dan 93 pelajar perempuan. Majoriti responden iaitu seramai 99 (63.1%) orang tinggal di bandar dan yang selebihnya 58 (36.9%) tinggal di bandar. Rata-rata responden menyatakan yang mereka mendapat maklumat mengenai program sahsiah melalui guru-guru (52.3%), diikuti dengan rakan-rakan (14.5%) dan papan maklumat sekolah (13.0%).

Jenis-jenis program pembangunan sahsiah yang disertai pelajar

Dalam pembentukan sahsiah pelajar, unit kaunseling telah melaksanakan beberapa program di sekolah. Melalui hasil dapatan, terdapat beberapa jenis program pembangunan sahsiah anjuran Unit Bimbingan dan Kaunseling yang pernah disertai pelajar. Berdasarkan Jadual 2, didapati bahawa majoriti pelajar pernah menyertai program motivasi (24.1%) diikuti dengan program guru penyayang (22.7%) dan program kepimpinan (20.2%) dan selain itu, beberapa program lain seperti program jati diri (13.8%), program pengurusan diri/ keterampilan (8.7%), program pengurusan masa (6.9%) serta program keibubapaan (3.5%) turut disertai responden. Dapatkan juga menunjukkan segelintir daripada mereka telah menyertai program lain seperti program anti buli, program anti dadah, program bijak belajar serta program klik dengan bijak di bawah Unit Bimbingan Kaunseling sekolah.

Jadual 1 Jenis-jenis program pembangunan sahsiah yang disertai pelajar

Program	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Guru penyayang	118	22.7
Jati diri	72	13.8
Motivasi	125	24.1
Kepimpinan	105	20.2
Keibubapaan	18	3.5
Kekemasan	45	8.7
Pengurusan Masa	36	6.9

Kesan program pembangunan sahsiah

Terdapat tujuh elemen di dalam instrumen soal selidik telah dibina dan ditadbir kepada pelajar untuk melihat sejauh mana kesan program yang dijalankan terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Elemen sahsiah diri yang telah dikenal pasti terdiri daripada pengurusan/keterampilan diri, budi bahasa, sikap penyayang, konsep kendiri, pengurusan masa/ketepatan, kepimpinan dan motivasi. Jadual 2 menunjukkan min bagi setiap elemen hasil daripada analisis data. Elemen budi bahasa menunjukkan min

tertinggi 4.21 (SP=0.82) diikuti min 4.14 (SP=0.94) bagi pengurusan /keterampilan diri dan min 4.02 (SP= 0.87) bagi elemen kepimpinan. Ini menunjukkan majoriti responden meletakkan persepsi yang tinggi terhadap ketiga-tiga elemen ini setelah menyertai program pembangunan sahsiah yang dianjurkan unit bimbingan dan kaunseling. Seterusnya, elemen konsep kendiri, komunikasi, sikap penyayang dan pengurusan masa/ ketepatan pula mencatatkan min persepsi masing-masing iaitu 4.02 (SP= 0.91), 3.90 (SP=1.16) , 3.83 (SP=1.06) dan 3.89 (SP=0.98) .

Jadual 2 Min dan sisihan piawai bai elemen karekter diri pelajar

Elemen karekter diri	Min	Sisihan Piawai
Sikap penyayang	3.83	1.06
Budi bahasa,	4.21	0.82
Komunikasi	3.90	1.16
Kepimpinan	4.02	0.87
Konsep kendiri	4.02	0.91
Kekemasan diri	4.14	0.94
Ketepatan masa	3.89	0.98

Dapatkan kualitatif daripada temubual dengan kaunselor dan pelajar mendapati wujud kesan yang positif hasil daripada penglibatan dalam program pembangunan sahsiah. Terdapat tiga tema utama yang terhasil daripada kesan positif pelaksanaan program pembangunan sahsiah diri iaitu aspek kognitif, afektif dan tingkah laku.

Aspek kognitif

Program pembangunan sahsiah memberi kesedaran atau celik akal terhadap kepentingan sahsiah dan kepentingan perubahan karekter yang lebih positif. Kaunselor dan pelajar menyatakan bahawa program pembangunan sahsiah yang dianjurkan mampu menjadi pencetus kepada pemikiran pelajar seperti petikan dibawah.

“..*Feedback on paper kan ada pre and post tu kan, memang kita boleh nampak pre and post tu tapi kesahihan dia lain sikit daripada orang yang betul-betul experience dia orang cerita. Balik dia kata macam ada progress yang nangis-nangis apa semua subconscious kan apa kan...Ok kita memang dapat sentuh sikit, dia akan berubah, dia akan fikir, dan dia akan buat lagi kesalahan.. manusia akan buat..tapi benda tu kena berterusan..sahsiah kena berterusan..*”

(Kaunselor 1)

“ ..suka..dapat pengetahuan..kita juga dapat lintasan yang positif dan kita tidak akan terpesong kepada landasan yang negatif”. Kita dapat tetapkan kita punya arah tuju jika kita melibatkan diri dalam program yang macam ni, kita punya fikiran akan lebih positif dan baik dan semangat akan kekal utuh.”

(Pelajar 3)

Aspek afektif

Selain dari aspek kognitif, program pembangunan sahsiah juga memberikan kesan kepada aspek afektif pelajar. Peserta yang terdiri daripada pelajar dan kaunselor melaporkan terdapat peningkatan aspek motivasi, keinsafan dalam diri dan kasih sayang sesama mereka kesan daripada penglibatan dalam program berkaitan. Ternyata mereka amat gembira, seronok dan berpuas hati dengan penglibatan mereka dalam program pembangunan sahsiah seperti petikan di bawah.

“saya rasa berpuas hati..saya rasa seronok”..saya kerja suka mencari keseronokan. Ini merupakan tugas yang diamanahkan jadi kita kena laksanakan dengan baik la”.

(Kaunselor 1)

“memang sangat gembira.. dan bila mendapat *feedback* yang baik dari guru dan pelajar.. memang kami sangat gembiralah...”.

(Kaunselor 3)

“memberi sokongan dan sangat gembira”.

(Pelajar 4)

“emmmmm... apa dapat menginsafi diri macam kita rasa serba salah ke, tak hormat cikgu ke kita boleh jadi lebih baik lagi la..”

(Pelajar1)

“ dapat memberi motivasi dapat meningkatkan sahsiah pelajar itu bertambah”.

(Pelajar 2)

“ dari program ini saya dapat mencari cita-cita sayalah... aaaa... sikap saya akan menjadi lebih berani... ”

(Pelajar 4)

“ bila program tu kita lebih dekat dengan pelajar ..dapat tahu bahawa kita sayang diaaa.. dan bila buat program tu nak dia tahu bahawa dia ada potensi dan kita sayang dia”.

(Kaunselor 1)

Aspek karekter pelajar

Bagi kesan karekter pelajar, terdapat empat tema iaitu pemahaman potensi kendiri, pengurusan kendiri, perkembangan sosial dan perenerimaan positif dari ibu bapa seperti petikan di bawah.

i. Pemahaman potensi kendiri

Pelajar juga melaporkan lebih memahami potensi diri hasil daripada penglibatan dalam program pembangunan sahsiah. Mereka lebih memahami tentang keupayaan diri untuk melaksanakan sesuatu program dan aktiviti.

“..Saya tahu siapa diri saya sebenarnya. Maksud saya itu macam saya tahu kebolehan saya dekat mana. Daripada situ, saya tahu kebolehan saya, saya tahu cara.. kelemahan dan kelebihan saya melalui LDK.”

(Pelajar

1)

“..Bagi saya, yang paling menarik dia dapat membentuk keperibadian seseorang dan kepimpinan seseorang. Kan kita banyak LDK kan, kita kan melantik seorang ketua..Bila kami ada program dekat suatu tempat, kami akan bertukar-tukar kalau kami yang uruskan, kami akan bertukar-tukar ketua. Maknanya semua orang akan merasa jadi ketua. Dan dari situ, kita boleh nampak semua kebolehan.

(Pelajar 2)

“...perlu diteruskan untuk masa akan datang. Saya rasa program seperti ini memberikan impak yang positif dalam membentuk sahsiah para pelajar. Program yang dijalankan dapat merealisasikan diri saya yang sebenar dengan mencari alternatif yang terbaik untuk kita meneruskan.”

(Pelajar 3)

Penglibatan pelajar dalam program luar dan aktiviti lasak anjuran unit bimbingan dan kaunseling banyak membantu dalam membentuk ketramplilan pelajar seperti berani.

“Lepas tu, saya takut gayat..Waktu *abseiling* tu..saya dah tak boleh nak berdiri..Ada ketua laa situ...ketua saya.. dia kata kamu boleh..Kalau orang lain boleh, kenapa kamu tak boleh? Lepas tu, saya cabar diri saya.. Benda ni tak tinggi mana..Saya boleh.. Mula-mula tu, kali pertama, saya tak boleh..

(Pelajar 6)

“..Water confident..Maknanya kami berenang tanpa sapa-sapa..Sorang demi sorang takdelah ke tengah sangat laut lebih kurang suku laut tu.. pengalaman baru.. saya dapat tengok langit, ini rupanya alam dan air kan bersambung dengan alam..Saya tak sangka saya orang pertama sampai..Sebab kita dah seronok..takde tension ..”

(Pelajar 7)

Penglibatan mereka dalam aktiviti dan program juga bukan sahaja membolehkan mereka mengenali potensi diri tetapi juga mencabar potensi dan keupayaan diri mereka. Jelasnya pengalaman dalam penglibatan mereka dalam program tersebut memberi testimoni kepada mereka tentang keupayaan sebenar yang mereka mampu lakukan.

“Lepas tu kena masak dengan letih ni dengan takde airnya semua macam.. Kita panggil apa yer. masak guna alam sekitar..Lepas tu, dia bekalkan kami 2 kotak air untuk buat bengkang...Maknanya kotak tu kami kena belah, pastu kami kena bakar..pi..kami buat sendiri..Semua kena buat sendiri...Mencabar jugak laa..memang macam nak marah cikgu tu..dengan semua barang takde.. Cikgu cakap kalau kami dulu boleh buat, kenapa kamu tak boleh buat. Cikgu guna ape?..Rupanya, salah seorang kami kena masuk hutan cari barang-barang untuk kayu api, macam tempat kami nak duduk untuk rehat kan, kami kena buat sendiri.

(Pelajar 7)

ii. Pengurusan kendiri

Pelajar juga menyatakan bahawa mereka lebih memahami tentang pengurusan kendiri. Bagi mereka, pengurusan kendiri bukan sahaja berupaya untuk menguruskan diri sendiri tetapi juga memahami kesan aspek tersebut kepada individu lain.

“..Kalau pasal diri saya, saya dapat aaaa menghargai duit. Saya dapat tahu cara berbelanja dengan bijak. Dengan bajet yang ada, saya tentukan makan apa, makan ini yang penting semua dapat makan, dan semua kenyang tu yang kami pentingkan. Untuk orang lain pula, dia orang dapat kepuasan..”

(Pelajar 8)

iii. Perkembangan sosial

Pelajar dan kaunselor menyatakan kegembiraan mereka mengikuti dan melaksanakan program kerana ia dapat menguatkan hubungan sesama guru dan murid. Berdasarkan penyertaan mereka di dalam program tersebut, pelajar menyatakan bahawa mereka lebih dihargai dan dihormati dan pengalaman ini memberikan persepsi yang lebih positif terhadap peranan guru dan kaunselor di sekolah.

“...Hmm..bestlah..dapat jumpa kawan baru kalau melibatkan semua sekolah lagi seronok.”

(Pelajar 1)

“... Dia jemput pelajar cakap selamat datang dekat pelajar.. Pelajar pun secara automatik akan cakap dengan cikgu akan hormat dekat ikgu...Assalamualaikum cikgu. Kalau macam cikgu bukan Islam, macam cakap selamat pagi.

(Pelajar 2)

“Hubungan lebih rapat dan juga dapat mengenal cikgu. Rasa cikgu baik dan penyayang”.

(Pelajar 4)

”.Kalau dari segi komunikasi..Saya bertambah baik.. Sebab dulu, saya tak pandai bercakap macam ni. Sebab dulu saya jenis yang pendiam. Boleh tahan pendiam..saya start boleh berkomunikasi dan tak susah berselisih dengan orang baru macam kem kan, kita jemput orang baru.. So, senang berinteraksi”

(Peserta 2)

“Ahhh melalui banyak program. Program ni banyak membantu banyak dari segi komunikasi, daripada keperibadian, yang paling penting cara mengurus masa. Itu paling penting..Sebab masa kan emas. Kita kena hargai, appreciate setiap masa.”

(Peserta 2)

“guru-guru dapat mengenal pelajar dengan lebih jelas... sebelum ini guru-guru suka judge pelajar.. tapi melalui program ni dapat memperbaiki hubungan guru dengan pelajar la...”

(Kaunselor 2)

iii. Penerimaan positif dari ibu bapa

Kaunselor juga melaporkan penerimaan positif bukan sahaja daripada pihak pelajar tetapi juga daripada ibu bapa. Menurut kaunselor, penerimaan positif ibu bapa adalah bertitik tolak daripada penglibatan positif dan kesan yang ditunjukkan oleh anak mereka.

“So, budak ni yang tak minat ni, tiba-tiba dia cakap eh, ok ada program ni ada kat xxx (sebuah universiti) ni macam best pulak..Aaaa..kerjaya... Yang cakap ni bukannya dia orang...Mak bapak dia orang...Mak bapak dia orang ni aaaaa rakan sekerja saya dekat xxxx (sekolah)..Ok bagusnya buat program macam ni..”

“.. kawan dia pun label. Lepas tu bila dia orang dah habis program tu, Cikgu, ada lagi tak program macam ni? Best laa cikgu. So, macam Ok, ingatkan tak berminat. Dia ada pendekatan rohani, seronok semua ada..Lepas tu, dia nak. Balik tu Cikgu saya minta ampun dekat Mak Abah saya..Ok..Tu yang kita nak.. Dia orang akan tanya ada lagi tak program macam tu? Mak saya dah bangga dengan saya sikit”

peranan untuk mengubah sahsiah manusia ni macam budak-budak selain daripada kaunselor je laaa..tak boleh letak pada kaunselor je.

(Kaunselor 2)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar program pembangunan sahsiah berjaya membentuk karekter pelajar dalam perbagai aspek. Majoriti pelajar telah menyertai program motivasi diri, kepimpinan dan sekolah penyayang. Program ini berjaya membentuk karekter khususnya budi bahasa, kekemasan diri dan kepimpinan serta konsep kendiri. KAREKTER seperti ketepatan masa, komunikasi dan sikap penyayang boleh diperbaiki lagi. Terdapat persamaan dapatan hasil daripada temubual bersama pelajar dan kaunselor dari aspek pembentukan karekter pelajar iaitu pelajar program menghasilkan celik akal kepada kepentingan aspek sahsiah dan kepentingan perubahan tingkah laku, peningkatan aspek motivasi, keinsafan dalam diri dan kasih sayang sesama mereka, mengenali potensi pelajar, ketrampilan diri, pengurusan kendiri dan perkembangan sosial.

PERBINCANGAN

Hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia (2011) melalui Mesyuarat Penyelaras Pelaksanaan Aktiviti Selepas PMR telah di penuhi pihak Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah dengan mengadakan program guru penyayang di mana guru mengamal dan membudayakan sikap kasih sayang di sekolah. Sikap penyayang juga mampu menjana generasi pelajar yang seimbang dari segi emosi, rohani, intelek, jasmani dan mempunyai disiplin diri yang tinggi. Antara aktiviti di bawah program guru penyayang ini ialah mengalu-alukan kehadiran murid, pelaksanaan program mentor mentee dan memberi perhargaan kepada murid. Malah temu bual pelajar mendapati pelajar-pelajar merasa dihargai apabila guru mengalu-alukan kedatangan mereka ke sekolah. Ini dapat meningkatkan perhubungan sosial di antara dua pihak. Pihak sekolah juga adalah pencetus kepada perhubungan sosial ini.

Pandangan Mizan Adiliah dan Ahmad Ibrahim et. al (1992) masih relevan di mana saranan beliau bahawa guru bimbingan perlu lebih bersedia dalam membentuk dan merancang sebarang bentuk program bagi membangunkan karekter pelajar. Ini kerana remaja adalah individu yang dinamik dan mengalami beberapa perubahan semasa proses perkembangannya. Perasaan ingin memberontak bukanlah sesuatu perasaan

yang bermasalah tetapi merupakan perasaan yang timbul daripada keinginan untuk bebas. Oleh itu, karakter yang dinamik ini perlu dibimbing untuk disalurkan ke arah yang betul. Pada keseluruhan ini dapat program anjuran Unit Bimbingan Dan Kaunseling ini mampu memberi kesan yang positif terhadap pembentukan karakter mereka. Sahsiah budi bahasa dan ketrampilan sangat penting dibina sejak mereka di sekolah. Pelajar sering terpengaruh dengan apa dilihat di media massa yang sebahagiannya karakter di layar menyimpang dari kesopanan dan kesusilaan. Ini dapat dilihat dari perbualan mereka yang menggunakan perkataan yang kurang sopan dan kesat. Malah dari segi ketrampilan pula ada setengah remaja berpakaian mengikut fesyen yang melampau.

Elemen keterampilan diri/ pengurusan diri pelajar banyak dibentuk oleh program Unit Bimbingan Dan Kaunseling. Program ini boleh diperolehi juga diperolehi bentuk ko-kurikulum kerana skop melibatkan penampilan diri yang kemas dan bersih. Dapatkan ini disokong oleh kajian Ahmad dan Hisham (2009) yang mendapati pelajar pendidikan teknikal UTHM berjaya menunjukkan ketrampilan diri yang baik dalam aktiviti kokurikulum mereka. Keterampilan pelajar diukur dari tiga faktor penyumbang iaitu penglibatan pelajar, peranan pensyarah/jurulatih dan infrastruktur. Skop kajian ini melibatkan empat aspek keterampilan iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan penampilan diri yang kemas. pensyarah/jurulatih dan kemudahan infrastruktur juga adalah tinggi bagi meningkatkan keterampilan diri.

Kesan baik terhadap kepimpinan pelajar adalah penting. Apabila ciri-ciri kepimpinan terbina dalam diri pelajar maka mudah mereka membuat keputusan yang baik dan seterusnya dapat mencegah dari perbuatan negatif diri dan rakan mereka. Ini kerana program kepimpinan adalah satu proses melatih pelajar mempengaruhi ke atas kumpulan dalam situasi. Di samping itu merangsang pelajar untuk berusaha dengan sifat sukarela untuk mencapai matlamat. Seorang pelajar yang menjadi pemimpin adalah individu yang berwibawa, berketerampilan, berdaya tahan dan berkarisma.

Elemen-lain seperti konsep kendiri, komunikasi, sikap penyayang dan pengurusan masa/ ketepatan juga penting. Program pembangunan sahsiah Unit Bimbingan Dan Kaunseling diharap dapat meningkatkan lagi skor min bagi elemen-elemen tersebut. Pengurusan masa juga perlu diberi perhatian oleh pihak sekolah. Dibimbangi lagi pelajar gagal untuk menggunakan masa secara bermanfaat dan berkesan. Pengurusan masa yang baik dapat menjadikan pelajar berdisiplin dalam segala aspek dalam perancangan masanya.

Elemen sikap penyayang kurang memberi kesan pada persepsi pelajar di bandingkan dengan elemen yang lain. Dapatkan ini tidak menepati dengan hasrat kementerian untuk melahirkan sikap penyayang dalam kalangan murid. Konsep sekolah penyayang yang dilaksanakan di sekolah-sekolah seolah-olah kurang memberi kesan kepada pelajar.

Antara aktiviti di bawah program guru penyayang ini ialah mengalu-alukan kehadiran murid, pelaksanaan program mentor mentee dan memberi perhargaan kepada murid (KPM : 2011)

Namun, setelah di analisis dari daptan kualitatif terhadap kaunselor dan pelajar banyak memberi impak yang positif kepada pelajar. Di antaranya ialah impak terhadap kognitif, afektif dan tingkah laku. Dalam aspek kognitif kaunselor program ini telah memberikan celik akal tentang kepentingan aspek sahsiah dan kepentingan perubahan tingkah laku. Bagi aspek afektif pula di dapati program dapat meningkatkan motivasi, keinsafan dalam diri dan kasih sayang dalam diri pelajar. Seterusnya aspek tingkah laku, berjaya menghasilkan tiga aspek iaitu potensi kendiri iaitu kepimpinan, berani dan mencaba keupayaan diri. Aspek pengurusan kendiri seperti lebih menghargai. Di samping itu memberi kesan dalam perkembangan sosial seperti hubungan guru dan sosial semakin rapat.

Dapatkan ini sesuai dengan yang dijalankan oleh Synder, (2011) bagi melihat perkembangan sosial-emosi dalam pembentukan karekter pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa program sekolah melalui sosial-emosi dapat membentuk karekter pelajar dalam meningkatkan kualiti sekolah dan memudahkan perubahan yang berlaku di sekolah. Satu elemen karekter sebenarnya berkaitan di antara satu sama lain. Jelaslah sekiranya sosio-emosi seorang individu terbentuk maka ia memberi kesan kepada konsep kendiri pelajar.

Konsep kendiri meliputi ciri-ciri positif dan ciri-ciri negatif. Sekiranya seseorang itu mempunyai konsep kendiri positif ini bermakna seseorang itu mempunyai ciri-ciri positif seperti menghargai, memuji orang lain, berpuas hati dengan pencapaian, dan murah hati. Manakala seseorang yang mempunyai konsep kendiri yang negatif ini bermakna ia cenderung untuk rasa bersalah, takut kepada kegagalan, cepat berkecil hati, kurang keyakinan diri, melihat diri sebagai yang kurang menarik dari segi personaliti. Oleh itu, pembentukan sahsiah dapat membantu dalam perkembangan pembangunan diri pelajar agar mempunyai konsep kendiri yang positif.

Malah kajian yang dilakukan oleh Johnson, Nelson dan Henriksen (2011) mengenai kesan program di sekolah mendapati program tersebut disambut baik oleh pelajar. Walaubagaimana pun, tidak semua pelajar berpeluang menyertai program tersebut disebabkan permasalahan daripada kaunselor sendiri yang menghadapikekangan masa, keupayaan kaunselor dan pengetahuan tentang program. Pandangan Lapan (2001) agar program kaunseling sekolah mempunyai definisi yang jelas, dan bertanggung jawab terhadap hasil yang dilaksanakan dalam membentuk persekitaran sekolah yang berkesan dan menyediakan peluang pelajar untuk berkembang membentuk karekter mereka mengikut perkembangan mereka boleh diambil kira.

Pada keseluruhannya dapatkan kajian ini menunjukkan program pembangunan sahsiah mampu memberi kesan positif kepada pelajar. Namun kerekter tertentu seperti sikap penyayang, komunikasi dan ketepatan masa perlu diberi perhatian di dalam program pembangunan sahsiah. Kerekter ini merupakan elemen sosial yang perlu dibina sejak kecil dan menjadi tabiat sehingga mereka dewasa.

IMPLIKASI KAJIAN

Semua pihak perlu mengambil inisiatif bagi meningkatkan karekter pelajar dalam menghadapi era modenescasi ini. Pembinaaan karekter mulia memerlukan kerjasama pelbagai pihak dan dengan mendengar pihak pelajar serta kaunselor yang menjalankan program serta pihak sekolah yang menjadi organisasi penting dalam menentukan hala tuju pembangunan karekter pelajar. Berikut adalah implikasi terhadap pihak yang terlibat.

Pihak sekolah perlulah mengambil kita cabaran yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam menjalankan program. Pihak sekolah perlu menggunakan model-model yang terkini dan pendekatan yang lebih kreatif yang mampu mengetuk hati pelajar dengan jumlah yang lebih ramai. Pandangan pelajar elok di ambil kira dalam membina program pembangunan sahsiah ini dengan menggunakan teknologi yang bersesuai dan mengesani jiwa dan minda pelajar.

Kaunselor merupakan individu yang memainkan peranan yang penting dalam membentuk dan menilai karekter pelajar semasa di sekolah dan untuk itu kaunselor perlu peka dengan keperluan karekter pelajar. Kaunselor perlu menggunakan model-model pengurusan dan penilaian yang terkini agar dapat mengenalpasti kekuatan dan kelemahan pelajar dan program.

Pihak sekolah dan ibu bapa adalah satu entiti yang saling lengkap melengkap. Memberi *empowerment* dapat memberdayakan keluarga dalam membentuk karekter mulia. Pihak kaunselor perlu mahir dalam konsultasi ibu bapa dengan mempunyai pendekatan yang terkini dalam membantu ibu bapa membentuk pembangunan karekter pelajar. Sarana keibubapaan perlu memfokuskan kepada kesedaran, keyakinan dan peranan membentuk pembangunan karekter.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, para pelajar yang menjadi nadi kepada pembangunan negara masa akan datang perlu diberikan bimbingan yang sepenuhnya dari aspek nilai, agama dan intelektual. Pada keseluruhannya hasil kajian ini menunjukkan bahawa program pembangunan sahsiah Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah meninggalkan kesan yang positif. Pembentukan karekter harus menjadi keutamaan kepada pendidik

kerana remaja kini diambang keruntuhan moral yang membimbangkan. Justeru, penambahbaikan program serta sokongan padu pihak sekolah dan kementeriaan sangat diperlukan agar perancangan serta pelaksanaan program dapat dijalankan dengan jayanya dan seterusnya meninggalkan impak yang besar dalam diri pelajar. Keperihatinan terhadap pembentukan sahsiah diri pelajar ini mampu memberi kesan positif dalam pembangunan nilai pelajar.

RUJUKAN

- Ahmad Esa dan Hisham Jamaludin. (2009). *Peranan Kokurikulum di Universiti dalam Membentuk Keterampilan Mahasiswa*. Diperolehi pada 1 Mac 2013 daripada http://eprints.uthm.edu.my/292/1/ahmad_esa.ICTLHE.pdf.
- Creswell, J. W. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. SAGE Publications, Incorporated.
- Dimmitt, C., Carey, J.C & Hatch, T. (2007). Evidence based school counseling. making a difference with data-driven practices. Amherst: Corwin. Implications for practice. *Journal of Counseling & Development*, 76, 412-426.
- Jabatan Pelajaran Negeri Perak (2012). Surat Pengurusan dan Pentadbiran Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri, Perak. J.Pel. Pk (HEM) 5128/5/7 Jld.II.
- Johnson, G., Nelson, J., & Henriksen Jr., R. C. (2011). Experiences of implementing a comprehensive guidance and counseling program at the elementary level. *Journal of Professional Counseling, Practice, Theory, & Research*, 38 (3), 18-32. Diperolehi pada Mac 3, 2013 daripada <http://search.roquest.com/dovview/8880621127accountid=13155>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). Peranan utama guru bimbingan dan kaunseling dalam memantapkan aspek keutuhan emosi dalam kalangan pelajar. Diperoleh pada Februari, 15 2014 daripada <https://www.moe.gov.my>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). Perekayaan ke atas perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, Kuala Lumpur : Unit Bimbingan dan Kaunseling, Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh pada Februari 15, 2014 daripada <https://www.moe.gov.my>.
- Lapan, R. T. (2001). Results-based comprehensive guidance and counseling programs: A framework for planning and evaluation. *Professional School Counseling*, 4, 289-299.
- Leming, J. S. (1993b). In search of effective character education. *Educational Leadership*, 51, 63-71.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (2003). Perlaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Cerdik Publication Sdn Bhd. Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kuala Lumpur.

- Nurul ‘Ain Mohd Daud dan Aslina Ahmad (Eds.), (2013). *Refleksi Isu-Isu Dalam Internship Kaunseling Di Sekolah*. Tanjung Malim: Emeritus Publication.
- Nurul ‘Ain Mohd Daud, Fauziah Hanim Jalal, Nazariah Ab Samd & Mohd Noor Idris (Eds.), (2014). *Refleksi Isu-Isu Dalam Internship Kaunseling Di Sekolah*. Tanjung Malim: Persatuan Kaunselor Professional Berdaftar Malaysia (PAKAR Malaysia).
- Schlossberg, S.M., Moriss, J.D., & Lieberman, M.G. (2001). The effect of a counselor-led intervention on students, behaviors and Attitudes, *Professional School Counseling*, 4(3). 156-164.
- Suradi Salim (1996). Bimbingan dan kaunseling. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). Pengurusan disiplin dan kaunseling bersama jabatan pelajaran negeri, KPM Bil. 2/2012 : Perekayasaan
- Sutton, J.M. & Fall, M. (1995). The relationship of school climate factors to counselor self-efficacy. *Journal of Counseling & Development*, 73, 331-336.
- Synder, F. J. (2011). *Improving elementary school quality through the use of a social-emotional and character development program : a matched-pair, cluster-randomized, controlled trial in Hawai*. Diperolehi pada Mac, 18 2014 daripada <http://www.emeraldinsight.com>.
- Whiston, S. C., & Sexton, T. L. (1998). A review of school counseling outcome research: Implications for practice. *Journal of Counseling & Development*, 76, 412-426.
- Wynne, E., & Hess, M. (1987). Trends in American youth character development. In, K. Ryan, & G. F. McLean (Eds.), Character development in schools and beyond (pp. 36-58). New York: Praeger.